



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 9 Mei 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Akta 723 terpakai untuk semua, tak kira darjat

Datuk Armizan Mohd Ali,
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup

Kerajaan menegaskan penggubalan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 (Akta 723) yang mencetuskan polemik apabila klinik swasta serta farmasi diwajibkan mempamerkan harga ubat-ubatan, tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian terhadap mana-mana sektor perniagaan. Malah, Akta 723 pernah dikuatkuasakan terhadap sektor kesihatan ketika penularan COVID-19 membabitkan vaksin, selain pelitup muka serta kit ujian pantas antigen yang masih berjalan. *Oleh Ercy Gracella Ajos → Nasional 2*



‘Akta 723 terpakai untuk semua sektor tak mengira darjat’

Pelaksanaan untuk tingkat ketelusan urus niaga, bolehkan pengguna banding harga

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 (Akta 723) tidak memberi sebarang pengecualian terhadap mana-mana sektor perniagaan atau perkhidmatan di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, menegaskan tidak ada sebarang klausa dalam akta itu yang menyatakan ia terpakai kepada kategori tertentu sahaja.

Justeru, beliau menekankan Akta 723 terpakai untuk semua sektor serta tidak mengikut darjat dan tiada pengecualian.

“Banyak sektor perniagaan sedia ada yang tertakluk kepada akta berkenaan.

“Selagi mana anda menjual barangan kepada pengguna (walau apa jenis sekalipun), Seksyen 10 akta itu memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menetapkan peraturan pelabelan atau penandaan harga,” katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas gesaan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) supaya kerajaan mengkaji semula penggunaan Akta 723 terhadap bidang perubatan, khususnya berkaitan peraturan mewajibkan klinik swasta serta farmasi memamerkan harga ubat-ubatan, berkuat kuasa 1 Mei lalu.

Langkah itu dilaksanakan KKM mengikut Akta 723, dengan matlamat untuk meningkatkan ketelusan dalam urus niaga dan membolehkan pengguna membuat perbandingan harga.

Sokong prinsip ketelusan

Bakal Presiden MMA, Datuk Dr R Thirunavukarasu, dilaporkan berkata, pihaknya menyokong penuh prinsip ketelusan dalam penetapan harga ubat, namun ia harus dibuat mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Eksklusif

Beliau bertegas, sektor perubatan tidak boleh disamakan dengan kedai runcit kerana menawarkan perkhidmatan profesional kepada rakyat.

“Ketelusan dalam sektor kesihatan sudah memang sedia ada melalui Akta 586 dan kita memohon supaya kerajaan semak semula keputusan dalam isu ini, kami tidak setuju guna Akta 723.

“Kenapa kita tolak? Ini kerana kita adalah perkhidmatan profesional. Kalau kita lihat kedai runcit, mereka jual barang, manakala kita menawarkan perkhidmatan profesional, kami bukan kedai runcit,” katanya.

Selain membantah penggunaan Akta 723, MMA menerusi memorandum yang disampaikan kepada Pejabat Perdana Menteri pada Selasa lalu, turut mengemukakan permintaan supaya kerajaan menyemak semula caj konsultasi doktor yang sudah teranggah sejak 33 tahun lalu.

“Kadar yuran ditetapkan antara RM10 hingga RM35 dan kadar ini tidak pernah disemak dan kekal tidak berubah lebih 33 tahun, yang tidak lagi mencerminkan realiti kos operasi yang me-

ningkat, inflasi, kenaikan gaji kakitangan, penggunaan teknologi, keperluan kawal selia serta jangkaan tinggi terhadap dokumentasi dan pendigitalan,” katanya.

Mengulas lanjut, Armizan memaklumkan, sebelum ini Akta 723 pernah dikuatkuasakan terhadap sektor kesihatan.

Mengambil contoh ketika penularan COVID-19, beliau berkata, ada perintah yang dikeluarkan mengikut akta itu membabitkan vaksin COVID-19.

“Selain itu, ada dua perintah yang masih berkuat kuasa, iaitu berkaitan pelitup muka serta kit ujian pantas antigen.

“Dalam konteks hak universal pengguna, tiada perbezaan darjat penjual profesional ataupun peruncit.

“Bila mana perniagaan anda menjual barangan kepada pengguna, tanggungjawab



Armizan Mohd Ali

kerajaan memastikan rakyat sebagai pengguna mempunyai akses kepada maklumat, sekali gus hak membuat pilihan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihati pengguna supaya menggunakan hak mereka untuk memilih penjual yang menghormati dan mengiktiraf hak asasi serta hak universal kepenggunaan.

“Apapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menyeliti memorandum yang sudah dikemukakan,” katanya.

Akta 723 terpakai untuk semua

Tiada sebarang pengecualian dalam sektor perniagaan termasuk klinik swasta

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA



ARMIZAN

Penggunaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) (AKHAP) tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian.

Sebaliknya, tegas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, banyak sektor perniagaan yang sedia ada tertakluk kepada akta tersebut.

"Selagi mana anda menjual barangan kepada pengguna walau apa jenis sekali pun, Seksyen 10 memberi kuasa kepada Menteri KPDN untuk menetapkan peraturan pelabelan dan penandaan harga," katanya kepada *Sinar Harian*.

Malah ujar beliau, penggunaan AKHAP bagi pelaksanaan perintah penandaan harga ubat bukan kali pertama dikuatkuasakan untuk sektor kesihatan.

"Semasa penularan Covid-19, terdapat perintah yang dikeluarkan di bawah AKHAP bagi barangan seperti vaksin Covid-19 dan dua perintah yang masih berkuatkuasa adalah berkaitan pelitup muka serta kit ujian pantas antigen," jelasnya.

Menurut Armizan, dalam konteks hak universal pengguna tidak ada perbezaan darjat penjual

profesional atau penjual dalam kalangan peruncit.

"Bila perniagaan anda menjual barangan kepada pengguna, tanggungjawab kerajaan adalah untuk memastikan rakyat iaitu pengguna mempunyai hak akses kepada maklumat dan hak untuk membuat pilihan.

"Nasihat saya, apabila tiba masanya, pengguna perlu menggunakan hak mereka, memilih penjual yang menghormati dan mengiktiraf hak asas serta hak universal kepenggunaan," katanya.

Selasa lalu, kira-kira 200 doktor berhimpun di hadapan bangunan Perdana Putra untuk menyerahkan memorandum bantahan penggunaan Akta 723 yang dikuatkuasakan ke atas klinik swasta di seluruh negara.

Mereka mendakwa, akta tersebut tidak sesuai digunakan dalam persekitaran klinikal selain tiada rundingan dan libat urus dibuat mengenainya.

Sementara itu, Armizan menyatakan komitmen untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi meneliti memorandum yang telah dikemukakan seperti diputuskan Kabinet.

Pemaparan harga ubat satu ketelusan, perkasa hak pengguna

Klinik swasta bukan peruncit tetapi masih terikat dengan prinsip terkandung dalam Akta 723

Oleh A'qilah Riduan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan wajib memaparkan harga ubat di setiap kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti di seluruh negara mulai 1 Mei lalu bukan satu bentuk kawalan harga pasaran.

Timbalan Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, Fatkhiah Khalil, berkata sebaliknya ia hanyalah satu keperluan untuk penyedia perkhidmatan memaparkan harga ubat secara jelas dan telus.

Beliau berkata, tujuan utama inisiatif itu untuk melindungi hak pengguna, meningkatkan ketelusan serta memperkukuh kepercayaan terhadap sistem kesihatan swasta.

Katanya, ini memberi ruang kepada pengguna membuat pilihan lebih bijak dan berdasarkan maklumat.

"Langkah itu dilaksanakan menerusi Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang dilihat dapat memastikan ketelusan

kos rawatan dan memberi pilihan kepada pengguna.

"Sebagai Kementerian yang inklusif dan terbuka, Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan pelbagai sesi libat urus sejak 2023 termasuk mempertimbangkan kepada hospital swasta untuk memaparkan satu atau dua harga bagi pesakit luar dan pesakit dalam.

"Pelaksanaan ini turut bersifat berperingkat dan berasaskan advokasi, supaya pelaksanaan mempunyai ruang masa serta sumber mencukupi untuk penyesuaian tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan," katanya kepada BH.

KKM melaksanakan peraturan baharu bermula 1 Mei lalu, yang mewajibkan semua klinik dan farmasi swasta memaparkan harga ubat-ubatan, dengan tujuan meningkatkan ketelusan serta membantu pengguna membuat pilihan berdasarkan harga.

Bagaimanapun, sebahagian pengamal perubatan swasta menyifatkan tindakan itu sebagai menyalahi peranan sebenar fasiliti perubatan yang bukan entiti peruncitan, selain mendakwa ia sepatutnya dilaksanakan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Fatkhiah berkata, pemaparan harga juga tidak mengganggu amalan perubatan doktor, pesakit yang pergi ke klinik atau hospital masih perlu diperiksa dan diberi konsultasi oleh dok-

Pelaksanaan ini turut bersifat berperingkat dan berasaskan advokasi, supaya pelaksanaan mempunyai ruang masa serta sumber mencukupi untuk penyesuaian tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan

Fatkhiah Khalil,
Timbalan Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi

tor, termasuk doktor menentukan rawatan sesuai.

"Menerusi Akta 723, 'barang' termasuk apa-apa jenis harta alih dan ini termasuk ubat-ubatan. Apabila pesakit menerima ubat selepas konsultasi, itu adalah transaksi barangan.

"Memang betul hospital dan klinik bukan kedai, tetapi dari sudut proses pembekalan ubat kepada pesakit, klinik atau hospital membekalkan ubat (produk) terus kepada pengguna akhir," katanya.

Justeru, katanya, pemaparan harga adalah satu bentuk ketelusan, tetapi memperkasa hak pengguna mendapatkan maklumat yang jelas.

Sementara itu, Profesor Pusat Kajian Undang-Undang Antarabangsa dan Siyar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata Akta 586 tidak mempunyai punca kuasa yang jelas untuk dikaitkan dalam pemaparan harga ubat.

"Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) lebih tertumpu kepada pelesenan dan pengawalan operasi fasiliti kesihatan swasta seperti klinik dan hospital.

"Ia (Akta 586) tidak mempunyai peruntukan khusus berkaitan pengurusan, penyimpanan, dan pembekalan ubat-ubatan, termasuk pemaparan harga ubat," katanya.

Akta 723 lebih sesuai

Beliau menegaskan, Akta 723 lebih sesuai kerana ia memang dibentuk untuk mengawal selia harga semua barangan termasuk ubatan dan keperluan penandaan harga.

"Cadangan untuk memasukkan elemen pemaparan harga ke dalam Akta 586 sebenarnya tidak wajar buat masa ini.

Katanya, walaupun klinik swasta bukan peruncit dalam erti kata tradisional, mereka tetap terabit dalam urusan jual beli, terutamanya pembelian ubatan dan produk kesihatan.

"Walaupun klinik swasta bu-



kan peruncit dalam definisi umum, mereka masih terikat dengan prinsip yang terkandung dalam Akta 723, pembabitan penandaan harga ubat yang mereka bekalkan kepada pesakit pada suatu nilai transaksi tertentu (harga).

"Mereka mungkin melihat diri sebagai penyedia perkhidmatan profesional dan bukan peniaga, namun apabila mereka membekalkan ubat dengan kos tertentu, prinsip ketelusan harga tetap terpakai.

"Dalam hal ini, Akta 723 bertujuan memastikan ketelusan harga bagi semua jenis transaksi, termasuk yang membabitkan barangan perubatan dan ubat yang dibekalkan oleh klinik," katanya.

Sebarang aduan pengguna berkaitan isu harga ubat boleh disalurkan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) KKM di <https://moh.spab.gov.my>; atau Portal eAduan KPDN: <https://ea-duan.kpdn.gov.my/>



Noor Aziah



Tujuan utama inisiatif pelaksanaan wajib memaparkan harga ubat adalah untuk melindungi hak pengguna, meningkatkan ketelusan serta memperkukuh kepercayaan terhadap sistem kesihatan swasta.

(Foto hiasan)

Subsidised petrol smuggling attempt foiled

KOTA BHARU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) of Kelantan foiled two attempts to smuggle subsidised petrol to a neighbouring country when it seized six vehicles and petrol worth over RM54,000 in two separate operations in Bukit Bunga, Tanah Merah.

Kelantan KPDN director Azman Ismail said that in the first operation on Tuesday (May 6), they detained a 52-year-old Thai woman, who was driving a Toyota Camry car, in the parking lot near a supermarket in Bunga Raya at about 3.30 pm.

"The suspect is believed to have tried

to smuggle subsidised petrol to Thailand after filling up a total of almost 117 litres of petrol twice (97 litres and 20 litres) on the same day. The suspect also admitted that the fuel would be sold wholesale to local agents at the border being resold retail in Thailand," he said in a statement yesterday.

The KPDN then seized the Toyota Camry and about 45 litres of petrol stored in a modified tank. The suspect has been detained under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961, Control of Supplies Regulations 1974 and Section 10 of the same act. – Bernama

(芙蓉8日讯) 森州国内贸易及生活成本局今日销毁总值27万令吉的证物!

上述销毁行动于今日在该局位于芙蓉的

证物仓库进行, 并由森州国内贸易及生活成本局主任莫哈末扎希主持, 在场见证者包括内贸部执法组副主任占里米。

莫哈末扎希在文告中指出, 此次销毁的证物包括柴油和此前起获的充公品, 该局已在1961年供应管制法令下开档完成调查。

民衆受促舉報不法商家

他说, 此次的“纒漏行动”(OPS TIRIS)的销毁行动销毁该局起获的柴油及器材证物, 总值约27万6035令吉。

“销毁的物品包括45个透明IBC集中桶、5台配有软管的水泵、1个容量达1万5000升的储水槽, 另外还包括两台手机。”

柴油及充公品

内貿局銷毀27萬證物

莫哈末扎希说, 除了上述证物, 该局还处理了被扣押的柴油, 所得款项为1万5527令吉90仙, 将归还予政府。

他补充, 根据调查报告, 所有涉案的违法者也被开出1万3000令吉的罚款。

他说, 此次行动体现了该局在执行法律、打击市场违法行为方面的坚决态度, 他提醒所有涉及人员, 务必遵守与控制商品和补贴商品相关的法规, 保障民众的利益。

莫哈末扎希呼吁民众举报不法商家, 可把违法信息传给该部, 可联络手机WhatsApp 019-8488000; 内贸部电子投诉网站<http://eaduan.kpdn.gov.my>; 热线中心1-800-886-800; 电邮至e-aduan.kpdn.gov.my。



■45个透明IBC集中桶已被销毁。



■销毁行动后, 总值约1万5527令吉90仙被扣押的柴油款项将归还予政府。

■森州国内贸易及生活成本局今销毁价值逾27万令吉证物。





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Beri peluang rakyat pilih kos ubat ikut kemampuan

SHAH ALAM - Keputusan kerajaan mewajibkan semua klinik dan farmasi komuniti mempamerkan harga mampu meningkatkan ketelusan, melindungi pengguna dan memastikan rakyat mendapat akses kepada ubat-ubatan pada kadar berpatutan.

Presiden Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung, Kesatuan Sekerja Kementerian Kesihatan Malaysia (MAPSU), Ajulahn Japin berkata, langkah proaktif berkenaan bukan hanya mampu melindungi pengguna, malah menaikkan sistem penyampaian dalam sektor kesihatan di seluruh negara.

Menurutnya, ketelusan harga ubat adalah satu keperluan penting dalam memastikan rakyat mendapat maklumat jelas, selain membolehkan mereka membuat pilihan rawatan bersesuaian dengan kemampuan masing-masing.

"Dasar ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk membudayakan amalan keterbukaan dan integriti dalam sistem penyampaian kesihatan.

"Langkah berkenaan juga sejajar dengan hasrat kerajaan meningkatkan kualiti hi-

dup rakyat dan memperkukuhkan kepercayaan kepada sistem kesihatan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai dasar baharu kerajaan yang melaksanakan Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Fasiliti yang terlibat termasuk semua kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] serta farmasi komuniti yang menjual, membekal atau memberikan ubat kepada pengguna.

Sementara itu, Ajulahn berkata, MAPSU turut menyokong pendekatan berhemah kerajaan memberi tempoh penyesuaian selama tiga bulan kepada pengamal perubatan dan fasiliti kesihatan swasta sebelum penguatkuasaan dilaksanakan.

"Ini menunjukkan kerajaan mengutamakan pendekatan inklusif, kolaboratif dan tidak bersifat menghukum dalam melaksanakan dasar yang menyentuh kepentingan awam," katanya.

Oleh Nazdy Harun
 am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Juadah **RM1** tetap untung

Peniaga gerai sarapan sedia 100 jenis kuih-muih, pelbagai nasi, air siap dibungkus

Kenaikan harga barang semasa mendorong seorang peniaga mengusahakan gerai sarapan dengan menjual kesemua juadah pada harga RM1.

Anuar Hamzah, 55, Kampung Manir, dekat sini berkata, dia menjalankan perniagaan itu di hadapan Masjid Al-Iklas Kampung Banggol Tuan Muda, dekat sini, sejak tahun lalu.

Menurutnya, seawal jam 6.30 pagi dia sudah membuka gerainya dan menawarkan lebih 100 jenis juadah antaranya kuih-muih, pelbagai nasi dan air yang siap dibungkus pada harga RM1.

Katanya, idea menjual sarapan pada harga RM1 timbul selepas melihat peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat setiap tahun.

"Juadah yang saya jual ini dihantar kira-kira 40 pengusaha dan juadah yang dijual perlu disediakan pada harga mampu milik, namun rasanya sama seperti sarapan lain yang di-

jual melebihi RM1.

"Alhamdulillah sudah setahun saya mengusahakan gerai ini, walaupun untungnya tipis, namun saya amat berpuas hati kerana dapat membantu meredakan beban pengguna."

"Bagi keluarga yang mempunyai anak yang ramai sudah tentu terbeban untuk membeli juadah dalam kuantiti banyak namun dengan adanya sarapan dengan harga RM1, saya yakin ia dapat mengurangkan kos perbelanjaan pembeli," katanya.

Menurutnya, walaupun untungnya agak tipis, dia berpuas hati selain membantu pembeli dia juga dapat membantu pengusaha kuih yang menyediakan hidangan sebelum menghantar ke gerainya.

Katanya, kita semua sedia maklum mengenai kenaikan harga barangan namun ia bukan halangan pengusaha kuih-muih dan aneka nasi untuk menye-



PELANGGAN membuat pilihan pelbagai juadah sarapan disediakan Anuar di gerainya di hadapan Masjid Al-Iklas Kampung Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

berpuas hati kerana mereka boleh membeli pelbagai jenis kuih atau nasi ha-

"Rata-rata pelanggan

nya pada harga RM1," katanya.

Menurutnya, kesan ke-

naikan harga barang mengakibatkan harga jualan makanan juga naik, namun dia bersama pengusaha juadah mengambil pendekatan mengurangkan harga makanan bagi membolehkan ianya dijual dengan harga yang rendah.

Katanya, walaupun untung sedikit, namun sekiranya jualan laris dan semuanya habis dijual ia tetap menguntungkan.

Pelanggan, Noor Aishah Mustakim, 30, berkata, pilihan yang banyak dan harga RM1 membolehkan dia membeli pelbagai juadah dengan pelbagai pilihan.

"Saya akui sememangnya jimat kerana satu jenis juadah hanya RM1 dan sebagai contoh 10 juadah hanya RM10 berbanding jualan di kedai biasa yang mengenakan harga RM2 atau RM3 yang sudah tentu saya hanya boleh mendapat juadah dalam jumlah sedikit," katanya.

Dr Wee: Put people before policies

Govt should delay plan to implement multiple measures in coming months

PETALING JAYA: Several policies slated for implementation in the coming months should be delayed as they risk adding financial burden on the rakyat, says MCA president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (pic).

Dr Wee, who is also Ayer Hitam MP, said while the policies are meant to target the top 15% (T15) group, they would also affect the lives of the broader population.

"Now, we are facing a wave of significant cost of living increases and the most affected group is the common people, especially the most vulnerable.

"The reciprocal tariff announced by the United States will have a ripple effect worldwide, and Malaysia is one of the countries that will suffer

adverse effects.

"As an economy that relies on trade, the cost of raw materials will increase, export competitiveness will decline and eventually, the prices of daily necessities in the local market will rise," he said in a video posted on Facebook.

Dr Wee added that the government has announced the rationalisation of RON95 petrol subsidy will begin as early as July 1.

"We understand the long-term need for subsidy reform but to this day, there are still many fundamental questions that remain



unanswered. What is the actual price of RON95 without subsidies?

"Why is the Automatic Pricing Mechanism (APM) formula not shared openly?"

"How will this targeted subsidy mechanism work?"

"Do we use our MyKad, e-wallet, or driving licence?"

"Who is eligible and based on what criteria?" he asked.

He said such details of the policies should have been finalised by now.

"The question is, if by July 1, the rationalisation of RON95 subsi-

dies is implemented along with the expiration of the Trump reciprocal tariff suspension, imagine what will happen to all of us?" said Dr Wee.

He also raised concerns about the planned 14.2% electricity tariff hike from July 1, despite government assurances that 85% of consumers would not be affected.

Dr Wee added that the planned expansion of the Sales and Services Tax (SST) and removal of egg subsidy from Aug 1 would further strain household budgets, with egg prices expected to rise by about 3 sen each.

He said the people have the right to know how these policies will be implemented and called on the government to provide a clear explanation.

He also warned against the risk of implementing multiple policies simultaneously, saying this could leave Malaysians feeling like they are being hit from all sides.

"This is not about politics, it's about the people," he said, urging policymakers to delay these measures until the economy is on a more stable footing.

"A good policy must be accompanied by careful and timely planning, and everything must start with honesty and transparency.

"I would also like to extend my sincere condolences to those who have been in a difficult situation and are now facing the worst of it.

"I think it's better to postpone these policies until we all have time to breathe," said Dr Wee.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 9 MEI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-May	Akta 723 terpakai untuk semua tanpa mengira darjat - Armizan	https:// www.sinarharian.com.my/ article/727284/berita/nasional/ akta-723-terpakai-untuk-semua- tanpa-mengira-darjat---armizan	SINAR HARIAN
9-May	AKHAP 2011 terpakai untuk semua, tidak ikut darjat – Armizan	https://www.buletintv3.my/ nasional/akhap-2011- terpakai-untuk-semua-tidak- ikut-darjat-armizan/	TV3
9-May	KPDN Tidak Akan Kecuali-kan Perkhidmatan Kesihatan Sektor Swasta Dari Akta Pengguna	https:// www.therakyatpost.com/ trpbm/berita/2025/05/08/ kpdn-tidak-akan-kecualikan- perkhidmatan-kesihatan- sektor-swasta-dari-akta-	THE RAKYAT POST
9-May	Act 723: Everyone Is Equal Before The Law, Says Armizan	https:// codeblue.galencentre.org/2 025/05/act-723-everyone-is- equal-before-the-law-says-	GALEN CENTRE
9-May	KPDN Kelantan sita lima kereta, rampas 420 liter petrol	https:// www.sinarharian.com.my/ article/727313/edisi/ kelantan/kpdn-kelantan-sita- lima-kereta-rampas-420-	SINAR HARIAN
9-May	Dua lelaki Thailand dicekup cuba seludup diesel	https:// www.kosmo.com.my/2025/ 05/08/dua-lelaki-thailand- dicekup-cuba-seludup-	KOSMO
9-May	Kelantan KPDN seizes six vehicles, over RM54,000 worth of subsidised petrol in two ops	https://thesun.my/malaysia- news/kelantan-kpdn-seizes- six-vehicles-over-rm54000- worth-of-subsidised-petrol- in-two-ops-JA14051787	THE SUN
9-May	Taktik licik wanita warga asing guna kereta mewah seleweng petrol terbongkar	https:// www.sinarharian.com.my/ article/727311/berita/ semasa/taktik-licik-wanita- warga-asing-guna-kereta- mewah-seleweng-petrol-	SINAR HARIAN

9-May	Authorities bust petrol smuggling racket, nab Thai woman	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/05/1213227/authorities-bust-petrol-smuggling-racket-nab-thai-woman	NEW STRAITS TIMES
9-May	219 tong LPG disita KPDN Perak di tiga premis berasingan	https://www.kosmo.com.my/2025/05/08/219-tong-lpg-disita-kpdn-perak-di-tiga-premis-berasingan/	KOSMO
9-May	219 tong LPG disita dalam tiga serbuan Ops Gasak	https://www.sinarharian.com.my/article/727312/berita/semasa/kpdn-perak-sita-219-tong-lpg-dalam-tiga-serbuan-ops-gasak	SINAR HARIAN
9-May	KPDN Perak rampas 219 tong LPG termasuk dari ladang ayam	https://utusanv.com/2025/05/08/kpdn-perak-rampas-219-tong-lpg-termasuk-dari-ladang-ayam/	UTUSAN
9-May	KPDN Perak rampas 219 tong LPG termasuk dari ladang ayam	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2420872	BERNAMA
9-May	Ops Gasak 2025: KPDN Perak rampas 219 tong LPG	https://mgperak.com/ops-gasak-2025-kpdn-perak-rampas-219-tong-lpg/	MGPERAK
9-May	KPDN Perak rampas 219 tong LPG termasuk dari ladang ayam	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-rampas-219-tong-lpg-termasuk-dari-ladang-ayam-519900	ASTRO AWANI
9-May	KPDN seizes 219 LPG cylinders used without permit at poultry farm, other locations	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-seizes-219-lpg-cylinders-used-without-permit-at-poultry-farm-other-locations-AA14053012	THE SUN
9-May	Empat lelaki ditahan cuba seludup keluar barang kawalan	https://www.utusanborneo.com.my/2025/05/08/empat-lelaki-ditahan-cuba-seludup-keluar-barang-kawalan	UTUSAN BORNEO

9-May	Enam kenderaan dirampas, cubaan seludup petrol bersubsidi gagal	https:// www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-kenderaan-dirampas-cubaan-seludup-petrol-bersubsidi-gagal-519896	ASTRO AWANI
9-May	Cubaan seludup petrol bersubsidi gagal	https:// utusanarawak.com.my/cubaan-seludup-petrol-bersubsidi-gagal/	UTUSAN SARAWAK
9-May	KPDN Negeri Sembilan lupus ekshibit bernilai lebih RM276,000	https:// malaysiagazette.com/2025/05/08/kpdn-negeri-sembilan-lupus-ekshibit-bernilai-lebih-rm276000/	MALAYSIA GAZETTE
9-May	N. Sembilan KPDN disposes of items seized under Op Tiris	https://thesun.my/malaysia-news/n-sembilan-kpdn-disposes-of-items-seized-under-op-tiris-HA14054726	THE SUN
9-May	KPDN KEDAH TINGKAT PENGUATKUASAAN SEMPENA LIMA'25	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2421076	BERNAMA
9-May	PGA rampas petrol, produk kecantikan bernilai RM177,000	https:// www.dailyexpress.com.my/news/257923/pga-rampas-petrol-produk-kecantikan-bernilai-rm177-000/	DAILY EXPRESS
9-May	Wanita Thailand ditahan, seludup minyak guna kereta mewah	https:// www.utusan.com.my/nasional/2025/05/wanita-thailand-ditahan-seludup-minyak-guna-kereta-mewah/	UTUSAN